

# Sultan, PM korban kerbau sambut Aidiladha

ALOR SETAR, Selasa — Sultan Kedah akan berkorban seekor kerbau di Istana Anak Bukit di sini pada Hari Raya Haji.

Setiausaha Sulit Baginda, Syed Unan bin Syed Abdullah, memberitahu hari ini kerbau itu akan disembelih di perkarangan istana selepas sembahyang Hari Raya jam 9 pagi.

Beliau berkata, daging kerbau itu akan dibahagikan kepada orang ramai di sekitar kawasan tersebut.

Menurutnya, Sultan membuat amalan itu sejak Baginda ditabalkan menjadi Sultan negeri ini.

Amalan tersebut, katanya, telah menjadi turun-temurun oleh Sultan yang memerintah negeri Kedah.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan berkorban empat ekor lembu pada Hari Raya Haji ini.

Seekor dari lembu tersebut akan disembelih di perkarangan kediaman Setiausaha Peribadi beliau, Ustaz Abu Bakar Hussein di Titi Gajah di sini manakala tiga ekor lagi akan disembelih di Pendang, Jitra dan Tunjang.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah akan sembahyang Hari Raya di masjid Jitra.

Perdana Menteri dan isteri akan mengadakan rumah terbuka kepada orang ramai di kediaman mereka di Titi Gajah, 7 batu dari sini dari jam 9 pagi hingga 6 petang pada hari yang sama.